

D.R. 33/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kastam (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

(a) dalam subseksyen 2(1), dengan memasukkan selepas takrif “public ruling” takrif yang berikut:

‘ “Pulau 1” means Pulau 1, Forest City situated in the Mukim of Tanjung Kupang, District of Johor Bahru, Johore as shown in the *Gazette* Plan PW50276 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Johore;’ dan

- (b) dalam subseksyen 2(1B), dalam takrif “principal customs area”, dengan menggantikan perkataan “and Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor and Pulau 1”.

Pindaan seksyen 154

3. Seksyen 154 Akta ibu dipinda dalam takrif “principal customs area” dengan menggantikan perkataan “and Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor and Pulau 1”.

Pindaan seksyen 155

4. Subseksyen 155(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subsections 11(2), (3), (4) and (5)” dengan perkataan “Subsection 11(2)”.

Pindaan seksyen 163A

5. Seksyen 163A Akta ibu dipinda dalam takrif “principal customs area” dengan menggantikan perkataan “and Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor and Pulau 1”.

Pindaan seksyen 163B

6. Subseksyen 163B(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subsections 11(2), (3), (4) and (5)” dengan perkataan “Subsection 11(2)”.

Pindaan seksyen 163J

7. Seksyen 163J Akta ibu dipinda dalam takrif “principal customs area” dengan menggantikan perkataan “and Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor and Pulau 1”.

Pindaan seksyen 163k

8. Subseksyen 163k(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subsections 11(2), (3), (4) and (5)” dengan perkataan “Subsection 11(2)”.

Pindaan seksyen 163q

9. Seksyen 163Q Akta ibu dipinda dalam takrif “principal customs area” dengan menggantikan perkataan “and Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor and Pulau 1”.

Pindaan seksyen 163r

10. Subseksyen 163R(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subsections 11(2), (3), (4) and (5)” dengan perkataan “Subsection 11(2)”.

Bahagian baharu XIXE

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 163w bahagian yang berikut:

“PART XIXE

SPECIAL PROVISIONS DEALING WITH PULAU 1

Interpretation

163x. In this Part, unless the context otherwise requires, “principal customs area” means Malaysia exclusive of Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor and Pulau 1.

Retail trade in Pulau 1

163y. (1) No person shall sell by retail any goods declared by the Minister under paragraph 163z(1)(a) in Pulau 1 without approval of the Minister.

(2) An application for the approval under subsection (1) shall be made in the manner as prescribed by the Minister in the regulations.

(3) Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Customs duties relating to Pulau 1

163z. (1) Import duty shall be payable upon—

- (a) all dutiable goods imported into Pulau 1, other than goods which the Minister may from time to time declare by order published in the *Gazette*; and
- (b) all goods declared by the Minister under paragraph (a), transported to the principal customs area from Pulau 1 as if such transportation to the principal customs area were importation into Malaysia.

(2) Export duty shall be payable upon all dutiable goods transported from the principal customs area to Pulau 1 as if such transportation from the principal customs area were exportation from Malaysia.

(3) The Minister may by order, prescribe the meaning of the word “value” in relation to goods transported to the principal customs area from Pulau 1.

(4) Subsection 11(2) shall apply to any order made by the Minister under subsection (1).

(5) Nothing in this section shall render inapplicable to Pulau 1 any other customs duty which may be fixed by the Minister under subsection 11(1).

Transportation of goods to or from Pulau 1 from or to the principal customs area

163AA. Where goods are transported—

(a) from Pulau 1 to the principal customs area; or

(b) from the principal customs area to Pulau 1,

the provisions of this Act, other than sections 81, 82, 83, 84, 85, 86 and 87 and paragraph 87A(1)(b), shall with such modifications and adaptations as may be necessary, apply as if such goods were imported into or, as the case may be, exported from, the principal customs area from or to a place outside Malaysia, and without prejudice to the above generality, Part XII shall apply to goods transported to or from Pulau 1 from or to the principal customs area and to persons and vehicles, vessels and aircrafts transporting such goods.

Declaration of goods transported from Pulau 1 into the principal customs area

163AB. The person in charge of any vehicle, vessel or aircraft on which goods are transported from Pulau 1 to the principal customs area shall make a declaration in the form and manner as determined by the Director General.

Dutiable goods to be deemed to be non-dutiable while in Pulau 1

163AC. Except for the purposes of section 48, any goods declared by the Minister under paragraph 163z(1)(a) shall, while in Pulau 1, be deemed to be non-dutiable goods and the provisions of this Act shall be construed accordingly.

Collection of duties

163AD. In making regulations under section 142, the Minister may provide for the collection of the customs duties payable in respect of goods—

- (a) imported into or exported from Pulau 1; and
- (b) transported or about to be transported from or to Pulau 1 to or from the principal customs area.

Application of Part X to goods transported to Pulau 1

163AE. The provisions of Part X which deals with drawback shall apply to goods declared by the Minister under paragraph 163z(1)(a), transported from the principal customs area to Pulau 1 as if such goods had been exported.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kastam 1967 (“Akta 235”). Ia bertujuan untuk mempromosi Pulau 1, Forest City yang terletak di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, serta untuk meningkatkan perkembangan ekonomi dalam kawasan tersebut dengan memasukkan peruntukan cukai khas berkenaan dengan kawasan tersebut ke dalam Akta 235. Rang Undang-Undang ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pulau 1 tidak lagi menjadi sebahagian daripada kawasan utama kastam sama seperti Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor. Untuk mencapai hasil yang dihasratkan, pindaan berikutnya juga akan dibuat kepada Akta Eksais 1976 [Akta 176], Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Act 807].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 235.

Perenggan 2(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 235 untuk memasukkan takrif baharu “Pulau 1” ke dalam Akta 235.

Perenggan 2(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1b) Akta 235 untuk mengeluarkan Pulau 1 daripada takrif “principal customs area”.

4. *Fasal 3, 5, 7 dan 9* bertujuan untuk meminda seksyen 154, 163A, 163J dan 163Q Akta 235 untuk mengeluarkan Pulau 1 daripada takrif “principal customs area” di bawah peruntukan tersebut berbangkit daripada cadangan pindaan kepada subseksyen 2(1B) Akta 235.

5. *Fasal 4, 6, 8 dan 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 155(2), 163B(2), 163K(2) dan 163R(2) Akta 235 berbangkit daripada pemotongan subseksyen 11(3), (4) dan (5) Akta 235 oleh Akta Kewangan (No. 2) 2023 [*Akta 85I*].

6. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu XIXE yang memperkatakan tentang Pulau 1 ke dalam Akta 235.

Seksyen baharu 163x yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “principal customs area”.

Seksyen baharu 163y yang dicadangkan bertujuan untuk melarang penjualan secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163z(1)(a) yang dicadangkan di Pulau 1 tanpa kebenaran Menteri terlebih dahulu.

Seksyen baharu 163z yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan layanan duti kastam di Pulau 1 yang berhubungan dengan pengimportan, pengeksporan dan pengangkutan barang.

Seksyen baharu 163AA yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa peruntukan Akta 235, selain seksyen 81, 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 dan perenggan 87A(1)(b), terpakai bagi barang-barang yang diangkut dari Pulau 1 ke kawasan utama kastam atau dari kawasan utama kastam ke Pulau 1.

Fasal ini selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bahagian XII Akta 235 terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke atau dari Pulau 1 dari atau ke kawasan utama kastam, dan bagi orang dan kenderaan, vesel dan kapal udara yang mengangkut barang-barang itu.

Seksyen baharu 163AB yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki mana-mana orang yang menjaga mana-mana kenderaan, vesel atau kapal udara yang dengannya barang-barang diangkut dari Pulau 1 ke kawasan utama kastam untuk membuat suatu perisytiharan mengenai barang-barang yang diangkut di dalam kenderaan, vesel atau kapal udara itu.

Seksyen baharu 163AC yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa barang berduti yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163z(1)(a) yang dicadangkan, disifatkan sebagai barang tidak berduti semasa berada di Pulau 1.

Seksyen baharu 163AD yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 142 Akta 235 untuk memperuntukkan perkara tertentu berhubung dengan Pulau 1.

Seksyen baharu 163^{AE} yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian peruntukan Bahagian X Akta 235 yang memperkatakan tentang pulang balik barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163z(1)(a) yang dicadangkan, yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Pulau 1.

7. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3374]